

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini keluasan tanah-tanah rizab Melayu yang kekal, yang dibangunkan dan yang terjual mengikut pecahan negeri-negeri dan sejauh mana Kerajaan bertindak menggantikan tanah yang ditukar status daripada yang asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Adalah dimaklumkan bahawa urusan pemilikan tanah dan urusan perizapan Tanah Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.
- 2) Peranan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sebagaimana termaktub dalam Seksyen 8, Kanun Tanah Negara 1965, ialah untuk memberi nasihat dan menyelaraskan isu-isu yang berhubung dengan perundangan dan pentadbiran tanah.

**NO. SOALAN : 64**

- 3) Oleh yang demikian, maklumat terperinci berhubung pemilikan tanah dan keluasan TRM bagi negeri-negeri lebih sesuai dibangkitkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.
- 4) Perkara 89(2) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukan mana-mana Tanah Rizab Melayu disesuatu negeri dibatalkan perlulah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri tersebut untuk menggantikan Tanah Rizab Melayu tersebut dengan tanah lain yang tidak melebihi luas asalnya dan mempunyai ciri-ciri yang sama.

Sekian, terima kasih.